

# Silat baru dalam pesta September

30 AUG 1984

PANCAR SILAT

**PERSATUAN Silat Singapura** (Persisi) akan memperkenalkan satu jenis silat baru dalam Pesta Silat Kebangsaan '84 September ini.

Permainan baru yang akan diadakan itu ialah Silat Kesenian. Ia akan terbuka kepada tiga bahagian iaitu pertandingan solo, senaman silat dan kumpulan.

Pertandingan silat kesenian bahagian solo terbuka kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan daripada usia lapan hingga 12 tahun.

Senaman silat pula terbuka kepada tidak lebih daripada 10 orang pesilat.

Dalam bahagian kumpulan, empat bahagian akan dipertandingkan iaitu:

- Tunas pendekar — lapan hingga 12 tahun;
- Pendekar muda — 12 hingga 17 tahun;
- Pendekar — 18 hingga 25 tahun dan

• Srikandi — 18 hingga 23 tahun.

Setiausaha Agung Persisi, Johari H.M. Uriff, memberitahu Nadi Belia setiap kumpulan akan dikenakan bayaran penyertaan sebanyak \$5.

Johari menegaskan bahawa beberapa orang pengadil dari negara jiran akan diundang untuk mengadili pertandingan silat pada tahun ini.

"Ini adalah semata-mata untuk

mengelakkan salah faham di kalangan kumpulan silat yang akan mengambil bahagian," katanya lagi.

Para pemenang dalam pertandingan itu nanti berpeluang mengambil bahagian dalam Festival Silat Tiga Negara yang akan diadakan di Kuala Lumpur dari 20 hingga 24 September.

Johari berkata ekoran daripada satu mesyuarat yang diadakan awal tahun ini, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) yang baru dibentuk telah bersetuju menjadi tuan rumah dalam festival kali ini.

Pesaka, katanya lagi, telah mengundang seramai 30 orang daripada Persisi — termasuk para pegawai pasukan.

Mereka terdiri daripada 10 orang pegawai, sembilan orang pesilat olahraga lelaki, enam orang pesilat olahraga wanita dan lima kumpulan yang terdiri daripada 10 orang pesilat.

Perwakilan Persisi itu akan diketuai oleh Johari sendiri dengan dibantu oleh Arif Haji Zahari sebagai pengurus pasukan, Ismaon Haji Ali sebagai pegawai perhubungan dan perubatan;

Rosenani Keenan (ketua pesilat wanita), Abdul Shukor Rais (jurulatih), Suib Selamat (penolong jurulatih) dan satu kumpulan perakam video yang terdiri daripada Suprayitno, A. Rahim Ahmad dan Suhaimi Yurip.

Sejak awal tahun ini, Persisi telah merakamkan segala kegiatannya dengan menggunakan alat perakam video yang baru diperolehinya.